

Rangka langkah hadapi peningkatan warga emas

KUALA LUMPUR 14 Sept. - Kerajaan perlu merangka langkah terbaik sebagai persediaan menghadapi peningkatan jumlah penduduk berusia lebih 60 tahun yang dijangka mencecah 6.3 juta orang atau 16.3 peratus daripada keseluruhan rakyat negara ini menjelang tahun 2040.

Pengarah Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Tengku Aizan Hamid berkata, perkara yang perlu dititikberatkan adalah bagaimana untuk menerapkan kesedaran berhubung kepentingan menjaga kesihatan dan ekonomi bermula sejak usia muda.

Menurutnya, generasi muda kini dilihat tidak begitu memfokuskan ke-

pada penjagaan kesihatan dan perkara itu akhirnya akan memberi kesan kepada mereka ketika di usia emas.

“Bagi tahun 2010, sebanyak 2.25 juta penduduk negara ini terdiri daripada warga emas dan bilangan tersebut meningkat 1.2 peratus bagi tahun ini menjadikan jumlah bilangan warga emas 2.8 juta daripada keseluruhan jumlah populasi di negara ini.

“Kerajaan perlu melihat apa yang perlu dilakukan bagi menjaga kebajikan warga emas yang bakal meningkat tahun demi tahun. Kesedaran untuk menjaga kesihatan dan mengukuhkan ekonomi perlu bermula dari sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas membentangkan kertas kerja Penuaan Penduduk dan Pembangunan di Malaysia yang dirasmikan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan di sini hari ini.

Seminar yang dihadiri 49 peserta dari tujuh negara termasuk Malaysia itu turut memfokuskan kepada kajian-kajian penuaan penduduk di negara-negara ASEAN.

Mengulas lanjut, Tengku Aizan berkata, rumah-rumah kebajikan bagi warga emas seharusnya diberi penambahbaikan dan sekiranya dilihat perlu, sektor swasta harus diberi peluang untuk menubuhkan pusat-pusat penjagaan warga emas.